

14/04/1997

PM setuju cadangan guna pil Naltroxone

TELUK INTAN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan cadangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk melaksanakan projek perintis penggunaan pil Naltroxone bagi memulihkan penagih dadah, tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata Perdana Menteri memberikan persetujuannya bulan lalu.

Menurutnya, KDN kini menunggu peruntukan RM3 juta daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan projek itu.

Katanya, pihaknya akan bermesyuarat dengan Majlis Dadah Kebangsaan minggu depan untuk menggunakan pil itu.

"Dalam projek perintis itu, seramai 2,000 penagih dadah dari 29 pusat serenti di seluruh negara akan dipilih untuk mengikuti program pemulihan dengan menggunakan pil Naltroxone.

"Pemilihan itu akan dilakukan oleh Agensi Dadah Kebangsaan dan keutamaan akan diberikan kepada penagih dadah yang sukarela untuk mengikuti program itu yang dijalankan selama enam bulan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Deklarasi Pemuda Teluk Intan 97, di Padang Majlis Bandaran, di sini hari ini.

Megat Junid berkata, projek itu akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, sebaik sahaja mendapat peruntukan dari Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, pihaknya akan membuat penelitian semula terhadap keberkesanan kaedah berkenaan sebelum ia diperkenalkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak menagih dadah.

"Kita perlu lihat dahulu kesan penggunaan pil Naltroxone itu dalam tempoh enam bulan. Jika ia berkesan, ibu bapa yang malu untuk menghantar anak mereka ke pusat serenti boleh menjalankan rawatan sendiri dengan menggunakan pil Naltroxone di rumah," katanya.

Beliau berkata, ketika ini, kira-kira 200,000 penagih dadah berdaftar di negara ini dan 50,000 daripada penagih itu sudah menjalani pemulihan di pusat serenti.

(END)